

Malaysia bantah langkah ISO

KUALA LUMPUR: Malaysia membantah langkah Organisasi Piawaian Antarabangsa (ISO) yang ingin mewajibkan Garis Panduan Tanggungjawab Sosial atau lebih dikenali sebagai ISO 26000 yang menyediakan rangka kerja global mengenai tanggungjawab sosial; sebagai syarat dalam aktiviti perdagangan, khususnya Malaysia dengan negara luar.

Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Azman Shah Datuk Seri Harun, berkata sebaliknya piawaian itu wajar dilaksanakan secara su-

karela oleh sesebuah negara selain didapati tidak sesuai untuk dikaitkan dengan perdagangan sesebuah negara.

“Usaha negara maju yang ingin mengaitkan klausa ‘tanggungjawab sosial’ menerusi ISO 26000 dengan perdagangan menjadi perhatian MEF dan sektor korporat tempatan. Ini kerana, garis panduan itu yang kini di peringkat draf, jika diwajibkan, boleh memberi kesan negatif kepada ekonomi negara.

“Ia khususnya terhadap perbandingan keuntungan bagi pelaburan dalaman dan

jarak jauh negara di samping menjelaskan daya saing sektor perdagangan. Justeru, pihak industri mahu supaya kepentingan negara ini dilindungi,” katanya pada sidang media selepas pelancaran Laman Web Amalan Terbaik MEF di sini, semalam.

Pelancaran laman web itu dilakukan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Thomas George. Turut hadir, Penggerusi Jawatankuasa Amalan Terbaik Sumber Manusia MEF, Datuk Abdul Aziz Abu Bakar dan Pengarah Eksekutif MEF, Shamsuddin Bardan.